

**NO SOALAN : 71**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
(JELUTONG)**

**TARIKH : 23.3.2015  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada Malaysia bersedia untuk menghantar pasukan tenteranya untuk menyertai kempen antarabangsa memerangi ISIS di medan krisis.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan sememangnya memantau semua bentuk ancaman yang boleh memberikan kesan langsung atau tidak langsung ke atas keselamatan negara termasuklah dari kumpulan militan/pengganas seperti *Islamic State of Iraq and the Levant (ISIL)* atau *Islamic State (IS)*. Ini kerana ia berupaya memberikan impak yang besar kepada keselamatan dunia amnya dan negara khasnya. Kekejaman dan perbuatan yang tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh IS tidak dapat diterima sama sekali.**

**Melalui pembentangan Kertas Putih di Sidang Parlimen Ke-13 pada 26 November 2014, kerajaan secara tegas menolak sebarang gerakan perjuangan IS. Peranan kerajaan adalah berdiri teguh bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa untuk menentang IS, selaras dengan resolusi dan pendirian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).**

**Dalam keghairahan sebilangan negara-negara antarabangsa untuk bertindak langsung ke atas IS, kerajaan lebih memberi fokus kepada rakyat tempatan yang cenderung terhadap pengaruh IS di dalam dan luar negara.**

**SOALAN ( 72 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23 MAC 2015  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI  
[ TENOM ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah rumah dalam Program Perumahan Rakyat di Sabah pada tahun 2013, 2014 dan 2015.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Negeri Sabah merupakan negeri kedua terbanyak dalam pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sehingga kini, Jabatan Perumahan Negara (JPN) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dan sedang melaksanakan sebanyak 36 projek (24,329 unit) di Negeri Sabah. Jumlah **projek yang telah dan akan siap** di Negeri Sabah mengikut tahun daripada tahun 2013 hingga tahun 2015 adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Projek	Bil. Unit	Status
2013	1	500	Siap
2014	2	800	Siap
2015	5	2,340	Dijangka siap pada tahun 2015
<b>JUMLAH</b>	<b>8</b>	<b>3,640</b>	

Selain daripada itu juga, Kerajaan telah merancang pelaksanaan **projek baharu** untuk dimulakan pada tahun 2015 iaitu sebanyak 9 projek (4,808 unit) dan kini dalam pelbagai peringkat perolehan.